

03 MAY 2003

Khalil-Lobi

KEGIATAN MELOBI DI BAHAGIAN DAN BADAN PERHUBUNGAN TIDAK SERIUS

KUANTAN, 3 Mei (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob menafikan kegiatan melobi di semua bahagian dan badan perhubungan negeri berada di tahap yang membimbangkan.

Beliau menjelaskan surat pekeliling mengenai perkara itu yang mula dihantar ke semua bahagian dan badan perhubungan negeri semalam, hanya satu peringatan kepada mereka supaya tidak melobi bagi kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Katanya peringatan itu antara lain meminta pihak yang melobi agar segera menghentikan kegiatan itu kerana khuatir ianya akan berleluasa hingga merebak ke bahagian yang belum ada kegiatan itu.

"Memang tidak dinafikan sesetengah tempat ada namun jika tindakan pencegahan seperti ini tidak diambil ia mungkin akan mendatangkan keburukan sebaliknya semua pihak perlu akur kepada keputusan yang bakal diambil Majlis Tertinggi (MT)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Sejarah Terengganu-Pahang 2003 anjuran Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) Cawangan Terengganu dan Pahang di Pusat Sumber Pendidikan Negeri Pahang di sini hari ini.

Seminar dua hari itu bertujuan menonjolkan keakraban rakyat kedua-dua negeri berkenaan selain berkongsi pengalaman, pengajaran dan perspektif baru dalam mencari sumber sejarah masing-masing yang bermakna dalam proses membina bangsa Malaysia yang maju.

Terdahulu, Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, pihaknya kini bercadang untuk merealisasikan sebuah filem atau dokumentri yang berlatar belakangkan perjuangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai peneraju negara.

Katanya ada beberapa pihak termasuk pihak kerajaan sendiri dan badan swasta sedang giat merangka skrip atau penulisan mengenainya sebagai usaha awal untuk mencapai hasrat berkenaan.

"Perdana Menteri merupakan tokoh berwibawa yang membanggakan kita semua justeru langkah itu dilakukan sebagai tanda penghargaan rakyat Malaysia di atas jasa dan pengorbanannya selama ini," katanya.

-- BERNAMA

TSS LIB RHM